

Masalah perparitan bukan punca utama banjir um 21/1

KUALA LUMPUR 20 Jan. - Masalah perparitan bukan punca utama banjir yang berlaku di Johor tetapi merupakan penyumbang kepada bencana itu menjadi lebih buruk.

Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Ibrahim Komoo berkata, dakwaan bahawa banjir di Johor berlaku kerana masalah perparitan adalah berasas.

"Banjir di Johor tetap akan berlaku sama ada sistem perparitan yang sempurna ada ataupun tidak, berikutan keadaan cuaca luar biasa yang membawa hujan yang berlebihan.

"Tetapi banjir akan berlarutan jika sistem perparitan yang sedia ada tidak memuaskan," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengaitkan masalah perparitan di Johor dengan kepantasan aras air menenggelami beberapa kawasan di sana.

Banjir yang melanda Johor pada hujung tahun lalu dan awal bulan ini dianggap yang paling buruk dalam sejarah dengan pada satu ketika, lebih 100,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan manakala beberapa bandar dan kampung terputus hubungan.